

Sinaran Ketiga Puluh¹

Noktah Pertama

Nama Tuhan Yang Maha Suci

Noktah ini menunjukkan salah satu daripada maksud nama Allah al-Quddus (Yang Maha Suci)

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Firman Allah swt (Surah al-Dharyat: ayat 48):

وَالْأَرْضَ فَرَشْنَا لَهَا فَنِعْمَ الْمَاهِدُونَ

Maksudnya: “Dan bumi pula Kami hamparkan (untuk kemudahan kamu mendiaminya); maka Kamilah sebaik-baik yang menghamparkannya.”

Salah satu jelmaan daripada Nama Tuhan Yang Maha Suci, yang menjelaskan salah satu maksud daripada ayat di atas merupakan Nama Tuhan Yang Maha Agung. Ia juga merupakan salah satu daripada enam cahayaNya yang telah menjadi jelas kepada saya ketika saya berada di Penjara Eskishehir sekitar akhir bulan Sya’ban. Ia menjelaskan kepada saya dengan seterang-terangnya tentang kewujudan dan keesaan Ilahi. Saya melihatnya sebagai berikut:

Bagi saya alam semesta kelihatan seumpama kilang besar yang sentiasa bergerak dan bebola dunia ini menyerupai sebuah asrama dan rumah persinggahan para tetamu yang sentiasa dihuni dan ditinggalkan tanpa henti. Sebenarnya, kilang-kilang, asrama-asrama dan rumah-rumah persinggahan tetamu yang digunakan sudah pasti akan dikotorkan dan ditimbuni dengan pelbagai sampah sarap, bahan buangan dan timbunan sampah yang membusukkan dan menjijikkan yang terdapat di merata tempat. Jika ianya tidak diurus, dibersihkan dan disapu dengan sebaik-baiknya, tempat-tempat ini tidak boleh didiami dan manusia akan ditenggelami oleh sampah-sarap itu.

Namun begitu, kilang alam semesta dan rumah persinggahan bumi ini adalah sama sekali suci, bersih dari sebarang titik kotoran; tiada bekas-bekas dan tanda-tanda pencemaran, tanda-tanda kotoran dan berkeadaan segar. Tiada sebarang debu dapat dilihat dengan sia-sia. Jika ianya kelihatan sekalipun, debu tersebut akan dimasukkan kedalam mesin transformasi yang akan menukarnya menjadi bahan yang bersih.

Ini bermakna, Dia yang menjaga kilang ini telah menjaganya dengan sangat baik. Pemiliknya telah membersihkan kilang dan istana yang luas ini dengan mudah seumpama Dia menyuci, membersihkan dan mengemas sebuah bilik yang kecil. Jika dibandingkan dengan saiz kilang yang sangat besar ini, tiada sedikitpun debu atau sampah yang ditinggalkan daripada kotoran-kotoran tersebut. Sesungguhnya jika dikirakan saiz bumi yang sangat luas ini, kebersihan dan kemasannya yang terdapat di dalamnya adalah menakjubkan.

¹ Terjemahan oleh Ustaz Anwar Fakhri Omar, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dari Lamaat ke 30, Risalah al-Nur, karangan Badiuzzaman Said Nursi. Diedit oleh Khairul Anuar Mohd. Nayan, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Struktur, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dr. Adem Kilicman, Jabatan Matematik, Universiti Putra Malaysia.

Jika seseorang tidak menyuci dirinya dan tidak mengemas serta membersihkan biliknya selama sebulan, keadaannya akan menjadi sangat kotor dan menjijikkan. Dengan lain perkataan, kebersihan, kesucian, kejernihan dan keindahan yang dapat disaksikan di istana dunia yang indah ini, adalah lahir daripada pembersihan dan penyucian yang bijaksana, teliti dan berterusan. Jika tidak kerana semua ini, nescaya dalam satu tahun, kesemua satu ratus ribu spesies haiwan yang terdapat di atas permukaan bumi ini akan menjadi lemas. **Juga, puing-puing daripada planet-planet di angkasa dan di langit yang menjelmakan kehidupan dan kematian dan daripada satelit-satelit dan bintang-bintang tidak hanya akan memecahkan kepala-kepala kita dan haiwan-haiwan yang lain, tetapi juga dunia dan alam semesta ini. (too long and not clear)** Sepatutnya puing-puing itu akan berjatuh seperti hujan di atas kepala-kepala kita dengan batu-batuan sebesar gunung menyebabkan kita bertempiran lari daripada dunia yang menjadi tanah air kita ini. Tetapi, telah berlalu sekian lama, sebagai amaran daripada beberapa meteorit yang telah terjatuh hasil daripada kemusnahan dan pembinaan semula alam semesta yang berlaku dengan sangat halus dan sempurna ini, tidak pernah ada kepala seorang manusia pun yang dipecahkan.

Lagipun, bangkai-bangkai daripada seratus ribu spesies binatang dan sampah sarap daripada dua ratus ribu spesies tumbuhan di atas muka bumi ini setiap tahun, akibat daripada perlawanan yang **menyebabkan** silih bergantinya kehidupan dan kematian sepatutnya menghasilkan sampah sarap dengan dahsyatnya di darat dan di laut. Keadaan ini akan menyebabkan sesiapa sahaja yang mempunyai perasaan, di sebalik menyintai dan menyukai bumi ini, akan merasa jijik dan benci terhadap kehodohnya dan mengakibatkan mereka melarikan diri daripada kematian dan ketiadaan.

Bagaimana mudahnya seekor burung membersihkan sayapnya dan seseorang penulis membersihkan lembaran kitabnya dengan senang, maka bumi yang terbang dengan sayap-sayapnya bersama planet-planet yang berterbangan di angkasa seperti burung-burung dan lembaran-lembaran kitab alam cakrawala ini juga dibersihkan dan diperindah, sehinggakan mereka yang tidak dapat melihat keindahan alam akhirat yang abadi dan tidak dapat berfikir dengan keimanan, lebih mengasyiki keindahan dan kebersihan dunia ini sehingga mereka mengabdikan diri kepadanya.

Jadi, istana bumi dan kilang alam semesta ini telah menampilkan dengan hebatnya salah satu jelmaan daripada nama Allah al-Quddus. Sehingga bukan sahaja haiwan-haiwan pembersih karnivour daripada lautan dan helang-helang didarat yang menurut perintah penyucian yang mulia ini, cacing-cacing dan semut-semut yang mengumpulkan berbagai bangkai seumpama pegawai kesihatan awam yang bertugas di bumi ini juga menurut perintah penyucian yang sama. Arahan pembersihan yang mulia ini juga turut didengari oleh sel-sel darah merah dan putih yang mengalir di dalam tubuh kita untuk melakukan pembersihan di dalam sel-sel badan, sebagaimana proses pernafasan yang berlaku menyuci dan membersihkan darah. Seumpama kelopak-kelopak mata yang membersihkan mata dan lalat-lalat yang sentiasa membersihkan sayapnya hasil daripada arahan untuk pembersihan, langit yang luas dan awan juga turut mengikut perintah ini. Begitu juga angin yang bertiup keatas cebisan-cebisan sampah dan debu yang kemudiannya jatuh keatas permukaan atau wajah bumi selepas dicucikannya. Kemudian awan-awan yang berbentuk seperti kapas yang menyimpan air akan menyiram taman-taman dan meredakan debu dan tanah. Selanjutnya, tiupan angin akan dengan cepatnya untuk mengumpul sampah-sarap bumi, mengeluarkan dan menyembunyikannya dengan susunan yang sangat teratur. Ia seumpama memaparkan mata dan wajah langit dalam keadaan bercahaya dan bergemerlapan seperti ianya seolah-olah telah disapu dan digilap.

Sebagaimana arahan membersihkan dan menyuci ini didengari oleh semua bintang, unsur, galian dan tumbuhan, arahan ini juga turut dipatuhi oleh semua atom, sehinggakan atom itu turut menjaga kebersihan dan kesucian dalam bentuk pergolakkan perubahan dan transformasi yang menakjubkan. Atom-atom itu tidak akan berhimpun di sesuatu sudut tanpa mempunyai apa-apa faedah dan ia juga tidak akan bersesak-sesak tanpa sebarang manfaat. Bahkan jika atom-atom tersebut tercemar, ia akan segera dibersihkan. Mereka diarah oleh tangan yang bijaksana untuk memperolehi keadaan yang paling suci, bersih, bersinar dan bercahaya dalam bentuk yang paling indah, murni dan halus.

Oleh itu, tindakan melakukan penyucian yang satu ini, ialah satu hakikat yang merupakan jelmaan teragung daripada nama Allah al-Quddus yang dapat dilihat sehingga pada lingkaran alam semesta yang amat luas ini. Jelmaan ini seperti cahaya matahari yang bersinar terang, yang memperlihatkan kepada pandangan mata yang jauh dan fikiran yang luas, kewujudan tuhan Rabbani dan menzahirkan keesaan Ilahi bersama-sama dengan nama-nama Allah (al-Asma' al-Husna) Yang Maha Indah.

Telah terbukti dengan bukti-bukti yang kukuh di dalam banyak bahagian dalam Rasalah al-Nur, oleh kerana perbuatan dan proses penyusunan yang bersistematik ini adalah salah satu jelmaan daripada nama al-Hakam (Yang Maha Adil) dan al-Hakim (Yang Maha Bijaksana); manakala perbuatan timbangan (الوزن) dan neraca (الميزان) pula adalah salah satu jelmaan daripada nama al-Adl (Yang Menyamaratakan) dan al-Adil (Yang Maha Adil); juga perbuatan menghias dan ihsan pula adalah salah satu jelmaan daripada nama al-Jamil (Yang Maha Cantik) dan al-Karim (Yang Maha Mulia); dan perbuatan mendidik dan memberi nikmat pula adalah salah satu jelmaan daripada nama al-Rabb (Yang Maha Mendidik) dan al-Rahim (Yang Maha Mengasihani), kesemuanya adalah perbuatan yang satu dan hakikat yang satu yang menunjukkan kepada kewajipan wujudnya Tuhan Yang Maha Esa. Begitu juga dengan perbuatan membersihkan dan menyucikan, maka ia adalah salah satu jelmaan daripada nama al-Quddus (Yang Maha Suci) yang menzahirkan dengan terangnya seperti cahaya matahari kepada kewujudan Dia Yang Tunggal dan keesaanNya sejelas cahaya di siang hari.

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, perbuatan yang terdiri daripada penyusunan, penetapan, penghiasan dan pembersihan menjelaskan kewujudan Pencipta Yang Tunggal, yang bersifat esa dengan amat jelas pada alam semesta yang amat luas ini. Begitulah keadaannya dengan kebanyakan al-Asma' al-Husna. Bahkan daripada seribu nama-namaNya, setiap satu nama daripada al-Asma' al-Husna itu mempunyai jelmaan yang amat agung dan luas dalam alam semesta ini. Perbuatan yang terhasil daripada jelmaan tersebut menzahirkan Tuhan Yang Satu lagi Tunggal dengan kezhahiran yang amat nyata dan luas.

Kebenaran-kebenaran yang telah terbukti dan setiap tindakan yang menyinari permukaan alam semesta ini dan membuatnya senyum, seperti hikmat kebijaksanaan yang universal yang menundukkan segala sesuatu kepada undang-undang, kasih sayang yang menyeluruh yang menghiasi setiap benda dan menyebabkan mereka tersenyum, kerahmatan yang luas yang memasukkan kegembiraan dan kebahagiaan kepada setiap benda dan menjadikannya sentiasa bertahmid; rezeki yang menyeluruh yang menjadikan segala makhluk yang bernyawa dapat meneruskan kehidupan dan menikmati kelazatannya; kehidupan dan menghidupkan yang menghubungkan segala sesuatu dengan sesuatu yang lain dan menjadikannya mendapat manfaat daripada segalanya, seolah-olah ia adalah pemilik kepada semua benda tersebut. Kesemua hakikat ini dan hakikat-hakikat lain seumpamanya menunjukkan Tuhan Yang Maha Bijaksana, Yang Maha Mulia, Yang Maha Mengasihani, Yang Maha Memberi Rezeki, Yang Maha Hidup dan Yang Maha Menghidupkan, sejelas cahaya yang menunjukkan wujudnya matahari.

Setiap perbuatan yang amat luas ini yang melebihi ratusan perbuatan, adalah dalil atau bukti yang jelas terhadap keesaan Allah swt. Jika perbuatan-perbuatan tersebut tidak disabitkan kepada Tuhan Yang Maha Esa dan Tunggal, nescaya akan lahir ratusan perkara mustahil dengan ratusan bentuk dan gambarannya. Contohnya: Bukan sahaja, perbuatan-perbuatan seperti kebijaksanaan (الحكمة), keprihatinan (العناية), rahmat (الرحمة), menghidupan (الإعاشة), memberikan nyawa (الإحياء) dan mematikan (الإماتة) tidak disandarkan kepada keesaan Allah swt, bahkan jika hanya perbuatan membersihkan atau menyucikan tidak disandarkan kepada keesaanNya, semua benda-benda yang mempunyai hubungan dengan proses pembersihan itu bermula daripada atom, unsur, serangga dan planet mestilah mengetahui cara bagaimana untuk membersihkan alam semesta yang amat luas ini, menghias, mencantikkan dan melakukannya dengan penuh keseimbangan. Setiap benda itu juga hendaklah boleh memerhatikan semua perkara dengan baik serta mampu pula untuk bergerak sendiri. Atau mestilah setiap benda itu bersifat dengan sifat-sifat suci lagi mulia yang merupakan sifat tuhan yang menguasai seluruh alam ini. Atau mestilah terdapat satu majlis syura (mesyuarat) yang luas, seluas alam semesta ini bagi menyusun dan mengatur proses penghiasan dan pembersihan bumi ini, serta mengukur setiap benda yang akan masuk dan keluar darinya dengan penuh keseimbangan. Mesyuarat ini pula hendaklah dibentuk daripada atom-atom, serangga-serangga dan bintang-bintang yang tidak terbatas bilangannya.

Demikianlah bagaimana seseorang yang melalui jalan kufur akan sampai kepada ratusan khurafat yang hina dan ribuan kemustahilan sophisme, barulah penghiasan yang menyeluruh dan pembersihan yang sempurna dapat dizahirkan di atas muka bumi ini. Maksudnya, apabila hakikat bahawa sandaran kepada Allah swt dinafikan atau ditidakkan dari perbuatan-perbuatan tersebut, maka ia bukan hanya mewujudkan satu keadaan mustahil, bahkan ia membawa kepada ribuan perkara mustahil.

Jika cahaya yang kita lihat pada waktu siang dan segala sinaran yang berkelip pada benda-benda di dunia ini, tidak kita sandarkan kepada matahari yang memang telah kita maklumi dan tidak ditafsirkan bahawa sinaran-sinaran yang berkelip ini hanyalah pantulan-pantulan cahaya daripada matahari yang satu, maka matahari terpaksa mengujudkan dirinya pada setiap titisan air yang bersinar, pada setiap kepingan kaca yang telus dan pada setiap butiran salji yang berkerlipan sehingga matahari yang sebenarnya itu juga perlu wujud pada setiap atom udara, agar ia dapat menzahirkan cahaya yang melimpahi seluruh kewujudan ini.

Maka, hikmat kebijaksanaan (الحكمة) adalah cahaya. Rahmat (الرحمة) yang luas adalah cahaya. Setiap satunya termasuk penghiasan, penyeimbangan, penyusunan dan pembersihan adalah cahaya yang menyeluruh, merangkumi dan meliputi semua benda. Semua ini adalah sinaran daripada Matahari Yang Azali.

Sekarang, lihatlah dengan cahaya keimanan agar anda nampak bagaimana ahli kekufuran dan kesesatan jatuh ke dalam lubang yang dalam sehingga tidak memungkinkan mereka untuk keluar semula daripadanya. Saksikanlah sejauhmana wujudnya kedegilan dan kejahatan ahli kesesatan tersebut! Pujilah Allah swt dengan berkata:

الحمد لله على دين الإسلام وكمال الإيمان.

Maksudnya: “Segala puji bagi Allah terhadap agama Islam dan kesempurnaan iman.”

Sesungguhnya sudah pasti, pembersihan yang maha tinggi lagi menyeluruh, yang dapat disaksikan dengan nyata, dan yang menjadikan istana alam ini bersih, suci dan murni, adalah

satu jelmaan dan tuntutan daripada nama al-Quddus. Sebagaimana semua makhluk bertasbih menunjukkan kepada nama Allah al-Quddus, maka nama al-Quddus ini berkehendakkan makhluk-makhluk tersebut kepada kebersihan dan kesucian² sehingga hadis “kebersihan adalah sebahagian daripada iman” menganggap bahawa penyucian adalah salah satu daripada cahaya keimanan³ kerana hubungan yang suci ini. Dan juga Ayat al-Quran daripada firman Allah swt (al-Baqarah: 222):

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ النَّوَائِبِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.”

Ayat ini menunjukkan bahawa kesucian merupakan faktor untuk memperoleh kasih sayang Ilahi, bahkan ia adalah paksinya.

²Janganlah kita lupa bahawa sifat-sifat buruk, pegangan atau kepercayaan yang batil, dosa-dosa, kesalahan dan bid'ah, semuanya adalah kotoran maknawi. (Pengarang)

³Terdapat banyak hadis yang mempunyai maksud yang sama. Antaranya hadis yang bermaksud: “Kebersihan adalah separuh daripada keimanan. Alhamdulillah memenuhi timbangan mizan...” Riwayat Muslim, Ahmad dan al-Tarmidhi daripada Abu Malik al-Ash'ari, (daripada Kashf al-Khafa', oleh al-^cAjluni). (Penterjemah)